



JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA

NOTIS PELAWAAN TENDER (Untuk Bumiputera Sahaja)

NO. TENDER
TARIKH IKLAN
TARIKH TUTUP

: JLMWU/K(S)/03/2025(T)
: 19 Disember 2025 (Jumaat)
: 13 Januari 2026 (Selasa)

TENDER PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN FASILITI DI TERMINAL DAN JETI PENUMPANG KUALA PERLIS (PERLIS), KUALA KEDAH (KEDAH) DAN KUAH (LANGKAWI, KEDAH) MILIK JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA BAGI TEMPOH 12 BULAN

1. Tender adalah dipelawa daripada **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:-

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN MASA TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN & KAEDAH BAYARAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TUTUP TENDER
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred: G4 – G7 Kategori: F Pengkhususan: F01 (Fasiliti Bangunan dan Infrastruktur Am) DAN Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera Surat Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN	22 Disember 2025 (Isnin) 10:00 pagi Bilik Mesyuarat Pasifik Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara Jalan Akuarium 11700 Gelugor PULAU PINANG (DIWAJIBKAN)	22 Disember 2025 (Isnin) Hingga 5 Januari 2026 (Isnin) pukul 3:00 petang Aras 1, Bahagian Khidmat Pegurusan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara Jalan Akuarium 11700 Gelugor PULAU PINANG	RM500.00 (Tidak akan dikembalikan) Bayaran akan dibuat secara EFT semasa pembelian	13 Januari 2026 (Selasa) 12:00 tengah hari Aras 1, Bahagian Khidmat Pegurusan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara Jalan Akuarium 11700 Gelugor PULAU PINANG

3. Taklimat tender akan diadakan pada 22 Disember 2025 (Isnin) 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Pasifik, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara, Jalan Akuarium, 11700 Gelugor, PULAU PINANG. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK ke sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, STB dan Cap Syarikat.
4. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
5. Tender ini akan ditutup pada 13 Januari 2026 (Selasa), jam 12:00 tengah hari. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan, pada tarikh yang ditetapkan bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
6. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

PENGARAH LAUT

Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara

Tarikh: 19 Disember 2025